

Tengkujuh bertandang

Awas bah besar

>>Oleh Mohammad Ishak
dan Nojie Nadzirah
am@hmetro.com.my

JERTIH: Penduduk negeri ini terutama yang tinggal di pesisiran pantai diminta bersiap sedia berdepan kemungkinan banjir besar pada hari ini dan esok berikutan berlakunya ombak besar disebabkan air pasang.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Saïd berkata, jika air pasang dan hujan berterusan dikhuatiri banjir besar akan melanda di beberapa kawasan rendah negeri ini berikutan pertembungan kejadian itu.

Katanya, beliau mengarahkan semua agensi berkenaan mengambil tindakan segera menyelamatkan mangsa yang terdampak dengan banjir bagi memastikan tiada nyawa terkorban.

"Masalah logistik dan keperluan lain termasuk be-



DERAS...kanak-kanak mengharungi banjir ke pusat pemindahan di Balai Raya Kampung Langkap, Setiu.

kalan makanan, selimut, perubatan, pusat pemindahan dan bot lama disediakan pihak terbabit.

"Kami juga menyediakan peruntukan khas membina rumah baru jika mendapati mangsa banjir kehilangan tempat tinggal dalam ben-

cana berkenaan malah kerosakan jalan raya juga diberi perhatian," katanya ketika melawat mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Anak Ikan, Jabi, dekat sini, semalam.

Terdahulu Ahmad melawat dua pusat pemindahan ban-

jir di Sekolah Kebangsaan Tanjong Gelang, Tepoh, Kuala Terengganu dan Dewan Sivik Kampung Langkap, Setiu.

Beliau berkata, kerajaan bersiap sedia menghadapi banjir dengan menyediakan 347 pusat pemindahan.